



GAMBAR menunjukkan sebuah kawasan perlombongan emas yang berlesen yang terdapat di Kampung Gua, Kuala Lipis semalam.



BEGINILAH keadaan Sungai Jelai yang semakin cetek dan dipenuhi mendapan pasir didakwa akibat aktiviti perlombongan emas dan bijih besi di sekitar pekan Padang Tengku, Kuala Lipis semalam.

Tiada lagi aktiviti menangkap ikan manakala penduduk sukar peroleh air bersih

# Sungai Jelai semakin keruh, cetek

**KUALA LIPIS** – Kira-kira 500 keluarga di sekitar pekan Padang Tengku di sini mengalami kesukaran untuk mendapatkan bekalan air bersih ekoran Sungai Jelai yang semakin tercemar dengan keladak didakwa akibat aktiviti perlombongan emas dan bijih besi.

Tinjauan *Kosmo!* Ahad semalam mendapati aktiviti dua lombong bijih besi di sekitar kawasan Kampung Sungai Temau dan sebuah lombong emas di Kampung Gua di sini turut mengakibatkan air Sungai Jelai yang dahulunya jernih kini menjadi keruh kerana dipenuhi selut.

Beberapa batang anak sungai seperti Sungai Sai, Sungai Serau dan Sungai Tanum yang mengalir ke Sungai Jelai kini semakin cetek selain dipenuhi sisa mendapan pasir kesan daripada aktiviti perlombongan itu.

Sungai Jelai sepanjang 97 kilometer itu merupakan antara sungai yang mengalir ke Sungai Pahang selain Sungai Tembeling dan Sungai Semantan.

Seorang penduduk Kampung Sungai Temau yang ingin dike-



AHMAD POZI



WAK SIN



KHAIDIR

nali sebagai **Wak Sin**, 58, berkata, aktiviti perlombongan bijih besi dan pembalakan telah menyebabkan Sungai Temau semakin kotor.

"Kami di sini terpaksa membersihkan penapis air dua kali seminggu ekoran keadaan air yang terlalu kotor terutamanya selepas hujan," katanya ketika ditemui *Kosmo!* Ahad.

Beliau berkata, paras air sungai yang dipenuhi kotoran akibat perlombongan itu juga akan meningkat secara mendadak selepas hujan sehingga membunuh banyak hidupan di sungai tersebut.

Seorang penduduk Kampung

Gua, **Ahmad Pozi Yahaya**, 55, berkata, muara Sungai Sai turut tercemar dengan sisa perlombongan emas sehingga aktiviti menangkap ikan tidak lagi boleh dilakukan.

"Semasa zaman kanak-kanak muara ini menjadi tempat saya dan rakan sebaya bermain sewaktu cuti sekolah," katanya.

Menurutnya, jarak antara sebuah lombong emas dengan Sungai Sai hanya tujuh kilometer sekali gus menjadi faktor utama yang menyebabkan sungai tersebut tercemar dengan sisa mendapan pasir.

Sementara itu, **Pengerusi Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Pahang, Khaidir Ahmad** berkata, lombong-lombong tersebut mempunyai lesen

## KEDUDUKAN Pekan Padang Tengku



untuk menjalankan operasi. Namun, katanya, pemilik lombong itu tetap berdegil dengan meneruskan aktiviti perlombongan pada setiap hari.

"Mengikut peraturan, pelombong mesti menjalankan operasi pada hari bekerja iaitu Isnin hingga Jumaat. Namun, operasi itu dilakukan sehingga hari

Ahad.

"Beberapa aduan telah dibuat oleh penduduk kepada pihak yang bertanggungjawab antaranya Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Alam Sekitar termasuk kerajaan negeri. Namun, tiada tindakan diambil setakat ini walaupun notis amaran telah dikeluarkan," dakwanya.